



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 6/1977**

*Kehilangan Atau Kerosakan Surat Hakmilik
Keluaran semasa Dalam Simpanan Pegawai Awam*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah Mengenai tanggungjawab terhadap keselamatan dan jagaan hakmilik di dalam simpanan mereka.

2. Adalah disedari bahawa semua Pendaftar hakmilik dan Pemungut Hasil Tanah akan mempunyai dalam simpanan mereka beberapa surat hakmilik keluaran yang telah disediakan dan didaftarkan selepas pemberian milik tetapi belum lagi dikeluarkan kepada pemilik-pemiliknya, surat hakmilik keluaran yang diserahkan untuk pendaftaran suratcara-suratcara urusan, surat hakmilik keluaran yang dihantar kepada Pejabat Pendaftaran atau Pejabat Tanah menurut kehendak notis-notis di bawah seksyen 15(1)(e) Kanun Tanah Negara dan menurut peruntukan-peruntukan lain dalam Kanun Tanah Negara.

3. Adalah dinyatakan di sini, jika surat hakmilik keluaran itu hilang atau rosak kerana sesuatu sebab semasa dalam simpanan pegawai awam, maka pegawai itu adalah bertanggungjawab untuk menyediakan dan membuat satu kenyataan mengenai keadaan-keadaan yang menyebabkan kehilangan atau kerosakan dokumen tersebut sebelum keputusan untuk menggantikannya boleh diambil. Perbelanjaan untuk menggantikan hakmilik itu hendaklah ditanggung oleh pejabat yang berkenaan melainkan jika diberi arahan sebaliknya. Satu salinan kenyataan hendaklah dihantar untuk makluman Setiausaha Kerajaan Negeri.

4. Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini diminta supaya mengambil perhatian mengenai tanggungjawab mereka terhadap keselamatan dan jagaan kepada semua surat-surat hakmilik keluaran dalam simpanan mereka dan mengambil tindakan sebagaimana yang disyorkan di perenggan 3 sekiranya sesuatu daripada hakmilik-hakmilik itu hilang atau rosak.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T.TM 419
Kuala Lumpur